

13 DEC 1997

Ghapur-Letak jawatan

GHAPUR LETAK JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN KETUA MENTERI SABAH

TAWAU, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Abdul Ghapur Haji Salleh hari ini mengumumkan peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Negeri yang berkuatkuasa pada 18 Dis.

Ketika mengumumkan peletakan jawatan itu di ibu pejabat Umno bahagian Tawau, dekat sini, Ghapur berkata beliau turut melepaskan jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri bermula hari ini.

"Saya telahpun menghantar surat peletakan jawatan sebagai anggota Kabinet negeri kepada Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini," katanya kepada pemberita.

Beliau enggan mengulas apabila ditanya mengenai sebab beliau mengambil tindakan itu selain daripada berkata "masalah peribadi."

"Saya juga gagal melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai anggota Kabinet negeri," katanya.

Ghapur berkata beliau bagaimanapun akan terus mengekalkan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Tawau sehingga mesyuarat pemilihan bahagian yang dijangka diadakan pada awal tahun depan.

"Saya masih anggota Umno dan terpulanglah kepada anggota Umno untuk menentukan nasib saya pada pemilihan bahagian itu," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana merestui pelantikannya dahulu sebagai anggota Kabinet negeri dan Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri.

"Keputusan saya untuk meletakkan jawatan adalah muktamad. Walaupun tidak lagi memegang jawatan dalam kerajaan, saya berjanji untuk membantu Barisan Nasional (BN) dalam apa jua usaha untuk mengekalkan kerajaan yang ada sekarang," katanya.

Ghapur juga meminta penyokong-penyokong Umno khususnya di bahagian Tawau agar bertenang berikutan keputusannya meletak jawatan itu.

Sementara itu Ketua Wanita Umno Bahagian Tawau Hamisah Samad meminta Ghapur menarik balik surat peletakan jawatannya kerana kepimpinan beliau masih diperlukan khususnya di negeri ini.

"Saya berasa terkejut dan seolah-olah tidak percaya dengan keputusan beliau meletakkan ketiga-tiga jawatan itu," katanya ketika ditemui di sini.

Hamisah berkata pergerakan wanita Umno Tawau akan mengadakan mesyuarat tergepar pada malam ini untuk membincangkan perkara itu.

Katanya, serombongan anggota pergerakan berkenaan akan dihantar untuk menemui Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam untuk meminta supaya tidak menerima peletakan jawatan Ghapur itu.

Ketua Penerangan Umno Negeri Datuk Karim Ghani juga merayu agar Ghapur menarik balik peletakan jawatannya.

Beliau berkata Ghapur patut menimbang semula keputusannya demi perpaduan dan keutuhan parti.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee berkata beliau belum menerima surat perletakan jawatan Ghapur.

"Saya keluar dari pejabat saya pagi tadi untuk ke Kuamut (Sandakan) dan Lahad Datu. Pengumuman mengenai perkara itu disampaikan kepada saya apabila saya tiba di Lahad Datu," katanya dalam kenyataan ringkas.

"Saya akan menelitinya apabila saya menerima surat perletakan jawatan itu di Kota Kinabalu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam akan menemui Ghapur bagi membincangkan perkara itu.

Katanya, Ghapur tidak membayangkan akan meletakkan jawatan pada mesyuarat Barisan Nasional baru-baru ini.

"Saya seakan-akan tidak percaya beliau berbuat demikian sebelum menemui pucuk pimpinan negeri," katanya ketika dihubungi di Papar, dekat sini. --  
BERNAMA

NT NW AKD